



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN (JPERT) ZON C4

BIL. 1 TAHUN 2025,

KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA

Tarikh : 19 Mac 2025 (Rabu)
Masa : 11:00 pagi - 1:00 tengah hari
Tempat : meet.google.com/gqn-qcct-hbj

Agenda:

1. Kata Kata Aluan Komander Insiden Zon C4
2. Pembentangan Minit Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2024
3. Semak Status Takwim JPKPKP FKT 2025 > Pengurusan Pasukan ERT
4. Semak Status Template Takwim ERT_Zon C4 2025
5. Pelaporan Pengurusan Kecemasan Dan Insiden
6. Hal-hal Berbangkit
7. Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4

Senarai kehadiran ahli JPERT Zon C4 & lain-lain

BIL	NAMA	KEHADIRAN	
1	En. Masri Zairi Mohd Zin	hadir	4/4
2	Tc. Narzrezal Abdul Razak	X	3/4
3	En. Mazlan Mohd Husin	hadir	3/4
4	En. Mohd Nazri Abdul Hamid	hadir	4/4
5	En. Mohamad Jasmin Shaari	hadir	4/4
6	En. Mohd Shukri Nordin	hadir	4/4
7	Pn. Suraya Harun	hadir	4/4
8	En. Rashid Ramli	hadir	3/4
9	En. Mohd Nazmi Mohammad Radzi	X	3/4
10	En. Muhamad Fairuz Abdul Karim	X	3/4
11	En. Suhelmi Wi @ Senawi	X	2/4
12	En. Mohd Ridzuan Mohd Nor	X	2/4
13	En. Roszi Anuar Hamid	X	3/4
14	Ts. Shariffah Zarihan Syed Zaharim Helmi	hadir	3/4

15	Pn. Misni Rosli	hadir	2/4
16	En. Mohd Nazry Mat Nayan	hadir	4/4
17	Prof. Madya Dr. Mohammad Shahrazel Razalli	hadir	4/4
18	Pn. Noor Fazreen binti Bakar	hadir	4/4
19	Muhammad Khairi Md Naim	X	2/4
20	Zambri Ibrahim	X	0/4
21	Azizul Hafifi Bin Abd Rahman	hadir	3/4
22	Dr. Ahmad Ashraf Bin Abdul Halim	X	3/4
23	Mohamad Haris Bin Uzir	hadir	4/4
24	Dr. Tan Wee Choon	hadir	3/4
25	Mohd Nizam Hashim	hadir	3/4
26	Mohd Nurhilmi Mohamad	hadir	4/4
27	Mohd Amri Zainol Abidin	hadir	2/4


BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p>Kata Aluan Komander Insiden Zon C4</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) zon C4, pengurus JPKPKP FKTEN, dan ahli-ahli ERT FKTEN Zon B & C yang hadir dalam mesyuarat ini. Mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2024 pada 28 November 2024 yang lalu. Kepentingan Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2025 bagi membincangkan perancangan JPERT Zon C4 untuk tahun 2025. 	- - -
2	<p>Pembentangan Minit Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024</p> <ul style="list-style-type: none"> Komander Insiden Zon C4 membentangkan Minit Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2024 secara umum dan memfokuskan kepada beberapa perkara penting seperti dibawah. En. Mohd Ridzuan Mohd Nor berkongsi komen auditor Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) semasa melawat makmal-makmal FKTEN dimana auditor bertanya ketiadaan alat pemadam api didalam makmal FKTEN, terdapat sesetengah papan tanda keluar kecemasan makmal yang hanya menggunakan pelekat keluar/ exit bukannya papan tanda keluar berlampa yang standard dan juga kenapa terdapat penggunaan sprinkler system dalam makmal komputer. Komander insiden mencadangkan ERT FKTEN memohon budget FKTEN untuk membeli alat pemadam api tambahan untuk ditempatkan didalam makmal-makmal FKTEN kerana Jabatan Pembangunan hanya menyediakan alat pemadam api hanya diluar makmal. FKTEN telah membeli sendiri alat pemadam api tersebut untuk ditempatkan didalam makmal-makmal FKTEN. Berkaitan terdapat papan tanda pintu keluar kecemasan makmal yang hanya menggunakan pelekat keluar/ exit bukannya papan tanda keluar berlampa yang standard, Komander insiden mencadangkan ERT FKTEN meminta Pengurus JKPP 	JPERT JPERT JPERT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>FKTEN untuk menghubungi Jabatan Pembangunan bagi memohon pemasangan papan tanda pintu keluar kecemasan yang standard bagi semua pintu makmal FKTEN yang menggunakan pelekat tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkaitan kenapa terdapat penggunaan <i>sprinkler system</i> dalam makmal komputer, timbalan komander insiden memaklumkan memang standard semua makmal mempunyai <i>sprinkler system</i> termasuk makmal komputer. Standard ini telah diberitahu oleh Jabatan Pembangunan sebelum ini yang mana mereka telah mengikut garis panduan sepatutnya semasa proses kelulusan membuat bangunan dan makmal di UniMAP. • Prof. Madya Dr. Mohammad Shahrazel Razalli mencadangkan rekod <i>head count</i> penghuni zon C4 ditempat berkumpul semasa latihan pengungsian bangunan dijalankan selepas ini dimuat naik dalam website rasmi JKKP FKTM untuk tujuan rujukan. • Komander insiden memaklumkan bahawa JPERT Zon C4 berfungsi ketika hanya masa pejabat, selain waktu itu, Jabatan Keselamatan akan mengambil alih tugas JPERT Zon C4 jika berlaku hal-hal kecemasan. • Komander insiden juga memberitahu poster terbaru carta organisasi JPERT Zon C4 akan diedarkan selepas ini setelah kemaskini dibuat. • Makluman tambahan berkaitan ERT akan dikongsi dari semasa ke semasa oleh komander insiden. • Komander Insiden meminta semua ahli JPERT terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti mesyuarat, latihan dan lain-lain lagi berkaitan ERT. • Minit mesyuarat JPERT Zon C4 bil. 1 tahun 2024 diluluskan oleh: Pencadang : Dr. Tan Wee Choon Penyokong : Ts. Shariffah Zarihan Syed Zaharim Helmi 	- JPERT - - - - - - - -
3	<p>Pembentangan Semak Status Takwim JPKPKP FKTM 2025 > Pengurusan Pasukan ERT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komander Insiden Zon C4 membentangkan Takwim JPKPKP FKTM 2025 > Pengurusan Pasukan ERT yang merangkumi perkara-perkara berikut beserta tarikh perancangan untuk tindakkan lanjut JPERT Zon C4: <ol style="list-style-type: none"> 1. Keahlian Jawatankuasa- Februari 2025 2. Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2025- 19 Mac 2025 3. Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2025- Ogos 2025 4. Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2025- November 2025 5. Kursus Pertolongan Cemas Asas- Ogos 2025 6. Kursus Kesedaran Kebakaran Bomba- April 2025 7. Mesyuarat Pelarasan- Mei 2025 8. Simulasi <i>Table Top Exercise (TTX)</i>- Mei 2025 9. Pengungsian Bangunan/ <i>Fire Drill</i>- Jun 2025 10. Mesyuarat <i>post mortem</i> sempena <i>fire drill</i>- Ogos 2025 	JPERT/ JPKPKP FKTM/ COSHE
4	<p>Pembentangan Semak Status Template Takwim ERT Zon C4 2025</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komander Insiden Zon C4 membentangkan <i>Template</i> Takwim ERT Zon C4 2025 yang merangkumi perkara-perkara berikut beserta tarikh perancangan untuk tindakkan lanjut JPERT Zon C4: <ol style="list-style-type: none"> 1. Keahlian Jawatankuasa- Februari 2025 2. Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 1 Tahun 2025- 19 Mac 2025 3. Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2025- Ogos 2025 4. Mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2025- November 2025 5. Kursus Pertolongan Cemas Asas- Ogos 2025 6. Kursus Kesedaran Kebakaran Bomba- April 2025 7. Mesyuarat Pelarasan- Mei 2025 8. Simulasi <i>Table Top Exercise (TTX)</i>- Mei 2025 9. Pengungsian Bangunan/ <i>Fire Drill</i>- Jun 2025 10. Mesyuarat <i>post mortem</i> sempena <i>fire drill</i>- Ogos 2025 	JPERT/ JPKPKP FKTM/ COSHE

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5	<p>Pembentangan Pelaporan pengurusan kecemasan dan insiden</p> <ul style="list-style-type: none"> Komander Insiden Zon C4 membentang pelaporan pengurusan kecemasan dan insiden. Ringkasan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan sejak mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2024 hingga ke Mac 2025 adalah seperti dibawah. Pembentangan perancangan JPERT Zon C4 untuk tahun 2025 telah dikongsikan oleh Komander Insiden pada mesyuarat JPKPKP Bil. 4 pada 19 Disember 2024 yang lalu. Perlantikan sebagai ahli JPERT Zon C4 untuk ERT FKTM telah diperbaharui bagi tempoh 1 Feb 2025 hingga 31 Jan 2027. Salinan surat lantikkan telah diemail kepada ahli ERT FKTM oleh pengurus JKKP FKTM pada 10 Februari 2025 yang lalu. Bagi wakil ERT FKTEN yang berada dalam JPERT Zon C4 surat lantikkan dikeluarkan oleh pengurus JKKP FKTEN. Menyertai Taklimat Latihan Pengungsian Bangunan tahun 2025 pada 28 Februari 2025 anjuran COSHE yang mana JPERT Zon C4 telah menghantar wakil JPERT Zon C4 di samping wakil ERT FKTM Zon B&C. Menyertai Ceramah Keselamatan Kebakaran Dan Demonstrasi Pemadam Api pada 16 Januari 2025 anjuran COSHE yang mana JPERT Zon C4 telah menghantar wakil JPERT Zon C4 di samping wakil ERT FKTEN Zon B&C. Pemeriksaan penilaian di tempat kerja pada 1-15 Januari 2025 terutama di makmal-makmal FKTEN juga secara tidak langsung telah dibantu oleh wakil-wakil ERT FKTEN semasa audit itu dilakukan. Terlibat secara langsung atau tidak langsung sempena Lawatan Penilaian Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 di FKTEN pada 11 Disember 2024. Ahli JPERT Zon C4 membaiki sendiri papan tanda assembly point (papan tanda tempat berkumpul semasa kecemasan) yang patah di Zon C4 (bangunan ungu) bersebelahan sebelah kiri medan selera pada 14 Februari 2025 yang lalu setelah tiada tindakkan segera dari JP walaupun aduan telah dibuat melalui laporan e-aduan pada 23 Januari 2025 yang lalu. Kemaskini carta JPERT Zon C4 tahun 2025 dengan pelantikkan penolong ketua pasukan dan penambahan ahli baru dari wakil FKTEN dan pengunduran wakil PKU dari JPERT Zon C4. Kemaskini Pelan Laluan Kecemasan Zon C4 tahun 2025 menggunakan template baru COSHE setelah berlaku perubahan <i>No phone JKES & PKU</i>. Wakil JPERT Zon C4 akan menyertai Taklimat Sistem Cegah Kebakaran di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang akan diadakan pada 21 Mac 2025. 	JPERT/ JPKPKP FKTM JPERT -
6	<p>Hal-Hal Berbangkit</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurus JKKP FKTEN memaklumkan konsep kemaskini atau tambah baik sistem cegah kebakaran melibatkan <i>sprinkler system</i>, alat pemadam api dan <i>hose reel</i> oleh Jabatan Pembangunan tidak akan dinyah aktif secara serentak pada satu masa, tetapi akan dibuat secara berasingan bagi memastikan sistem cegah kebakaran dapat berfungsi juga pada masa kecemasan. Berkaitan terdapat papan tanda pintu keluar kecemasan makmal yang hanya menggunakan pelekat keluar/ <i>exit</i> bukannya papan tanda keluar berlampu yang standard di makmal FKTEN, Ts. Shariffah Zarihan Syed Zaharim Helmi memaklumkan hal ini terjadi disebabkan penambahan <i>partition</i> ruangan baru didalam makmal tersebut yang menyebabkan seakan hanya ada 1 pintu saja diruangan tersebut. Pengurus JKKP FKTEN memaklumkan pintu tambahan ke ruangan <i>partition</i> tersebut perlu sentiasa tidak berkunci bagi membolehkan penghuni boleh keluar ke 2 pintu kecemasan sebenar makmal jika berlaku kejadian kecemasan. 	JPERT/JKES JPERT -

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
7	<p>Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4</p> <ul style="list-style-type: none"> Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh semua ahli JPERT zon C4, pengurus JPKPKP FKT M dan ahli-ahli ERT FKT M Zon B & C lain yang hadir dalam mesyuarat ini. Mesyuarat ini ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari. 	- -

Disediakan oleh:


 MASRI ZAIRI BIN MOHD ZIN
 PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL
 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)
 Universiti Malaysia Perlis (Unimap)
 Email: masrizairi@unimap.edu.my
 (En. Masri Zairi Mohd Zin)
 Komander Insiden Zon C4

Disahkan oleh:


 DR. TAN WEE CHOON
 Senior Lecturer
 Mechanical Engineering Programme
 Faculty of Mechanical Engineering Technology
 Universiti Malaysia Perlis (Unimap)
 Email : tweechoon@unimap.edu.my
 Pengurus JPKPKP FKT M
 (Ts. Dr. Tan Wee Choon)